



PP00002520

TIDAK DIBENARKAN

KAJIAN

GUNATANAH, KEADAAN BANGUNAN, SISTEM LALULINTAS  
DAN TEMPAT LETAK KERETA

(Kes Kajian: Bandar Kelang Selatan)

PROJEK PELAJAR  
(Students' Projects)

Oleh

Hassan Yaakob

Noraini Ahmad

Tabrani Hj. Yusof

Salha Hj. Yahya

Ahmad Osman

Roslina Ahmad

Bagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
Shah Alam  
Selangor

Satu Projek Akhir Yang Disediakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan

SIJIL PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi MARA  
SHAH ALAM

April 1985

Penghargaan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pensyarah bertugas. Encik Syed Mohd Hassan Syed Subli kerana telah menasihati dan memberi bimbingan yang berkesan semasa menjalankan kerja-kerja penyediaan laporan akhir ini.

Terima kasih juga kami tujukan kepada semua sahabat-handai, sijil Perancang Bandar dan Wilayah II dan Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah 3, kerana telah memberi pandangan yang baik semasa menyediakan laporan ini. Kami juga ucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan Majlis Perbandaran Kelang, Jabatan Ukur Negeri Selangor dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor kerana telah memberi maklumat dan pelan kepada kami bagi penyediaan laporan ini.

Akhir sekali kepada teman-teman yang lain yang telah terlibat secara tidak langsung dan secara langsung. Semuga susah payah mereka diberkati Allah S.W.T. Juga kepada Ibu/bapa dan kaum keluarga kami yang banyak menyumbangkan wang dan tidak putus-putus memberi peransang dan harapan untuk terus maju. Jasa-jasa mereka tidak akan kami lupakan hingga akhir hayat kami.

Sekian.

ISI KANDUNGANMUKA SURATPENGHARGAANBAB 1

1.0	Pengenalan .....	1
1.1	Kenyataan Masalah .....	2
1.2	Hipotesis Am .....	3
1.3	Hipotesis Kerja .....	4
1.4	Matlamat Kajian .....	4
1.5	Objektif Kajian .....	4
1.6	Skop Kajian .....	6
1.7	Methodologi Kajian .....	6
	<u>Senarai Carta</u>	
1.8	Carta Alir (Methodologi) Kajian .....	8
	3.1 Kegunaan Tanah 1985 .....	30 ↘
	3.2 Kegunaan Tanah 1980 .....	32 ↘
	3.3 Kemudahan Awam di Bandar Kelang Selatan .....	75
	3.4 Keadaan Bangunan Rumah Sesebuah ...	82
	3.5 Keadaan Bangunan Rumah Berkembar ..	84
	3.6 Keadaan Bangunan Perkedaiian .....	92
	3.7 Keadaan Bangunan Kemudahan Awam ...	99
	3.8 Keadaan Bangunan tempat Ibadat.....	104
	3.9 Keadaan Bangunan Institusi .....	107
	3.10 Rekabentuk Tempat Letak Kereta di Pinggir Jalan .....	152
	3.11 Rekabentuk Tempat Letak Kereta di Lapangan Kereta .....	159
1.9	Pelaksanaan Kajian .....	9
	<u>Senarai Jadual</u>	
	1.1 Jadual Kerja .....	10
	3.1 Kegunaan Tanah 1985.....	29
	3.2 Kegunaan Tanah 1980 .....	31
	3.3 Hak Milik Perniagaan Mengikut Bangsa .....	34

## 1.0 PENGENALAN

Tanpa perancangan manusia akan melakukan kegiatan hidupnya terhadap kegunaan tanah di merata tempat tanpa memikirkan kesesuaiannya pada satu-satu penggunaan itu. Pembahagian kegunaan tanah mengikut kegunaannya seperti kegunaan perumahan, kawasan jalanraya, perletakkan kereta, kawasan rekreasi, kawasan kegunaan kerajaan dan institusi dan juga kegunaan lain.

Di dalam kegunaan tanah di kawasan bandar dapat dilihat dua rangkaian kerja iaitu mengenai corak aktiviti-aktiviti penduduk di dalam sesuatu bandar dan institusi, mereka yang memerlukan ruang, seperti aktiviti-aktiviti yang melibatkan sarahidup perniagaan dan untuk masa-masa rehat, dan yang kedua mengenai kemudahan-kemudahan fizikal atau kebaikan kepada tanah dalam sesuatu kawasan bandar yang mana di sediakan untuk menampung corak aktiviti-aktiviti iaitu corak penggunaan seperti di atas.

Untuk memperbaiki sistem penggunaan tanah yang teratur dan baik, kegunaan tanah ini masih memerlukan pengkajian dan penyelidikan. Sebagai tambahan untuk melihat kaitan antara aktiviti-aktiviti yang melibatkan kedua rangka kerja di atas, perhatian haruslah diberikan kepada penialaian manusia dan memainkan peranannya untuk mengguna ruang aktiviti-aktiviti dan dengan itu corak penggunaan tanah terbentuk.

Kesimpulannya, penggunaan tanah dalam bandar atau luar bandar adalah berkait rapat dengan aktiviti-aktiviti penghidupan manusia yang cintakan kepada keselesaan, keamanan dan kesihatan yang terjamin.

#### 1.1 KENYATAAN MASALAH

- a. Kegunaan tanah yang tidak teratur di Kelang Selatan, telah menyebabkan timbulnya kesesakan dan ketidakselesaan terhadap penduduk setempat.
- b. Kegunaan tanah yang tidak sesuai dengan jenis-jenis perancangan yang dikehendaki akan menimbulkan masalah kepada perancangan yang akan datang.
- c. Kegunaan tanah yang tidak mengikut keadaan sekitaran tapak akan menimbulkan ketidakseimbangan pembangunan.
- d. Masalah sekulasi lalulintas yang tidak bersistemetik akan menyebabkan kemalangan dan kesesakan lalulintas.
- e. Penyediaan tempat letak kereta hendaklah mencukupi supaya selaras dengan keperluan pengguna.
- f. Perletakan kawasan lapang yang tidak sesuai akan membazirkan kerana tidak ada pengunjung ke tempat itu.